



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**PROGRAM NUR RAMADAN**  
**PARLIMEN BANDAR TUN RAZAK**

**16 MAC 2024**

**INSTITUT LATIHAN**  
**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ  
الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى

سیدنا محمد

أشرف

المرسلين،

و على آلـه

و صحبـه أجمعـين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya kita semua dapat bersama-sama pada hari ini di Program Nur Ramadan Parlimen Bandar Tun Razak yang diadakan secara bersekali dengan Program Teh Hijau di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur.
  
2. Tahniah saya ucapkan kepada DBKL kerana berjaya menganjurkan program Teh Hijau yang cukup meriah tadi

dengan 37 kawah bubur lambuk dan 37 kawah dodol yang disediakan oleh petugas-petugas daripada 11 parlimen dan 4 sektor DBKL.

3. Sempena bulan Ramadan yang telah kita tempuh selama 5 hari ini, saya berharap semoga Allah SWT memberkati ibadah kita semua dan melimpahkan segala kebaikan yang ada pada bulan ini.

## **USAHA PENGUKUHAN EKONOMI AGENDA UTAMA KERAJAAN**

Hadirin sekalian,

- 
- 
- 
4. Sebagai rakyat Malaysia, sewajarnya kita menginsafi dan mensyukuri nikmat keamanan dan keharmonian yang masih lagi kita kecapi hari ini. Ini termasuklah kestabilan, baik dari segi politik maupun ekonomi, dalam negara kita yang masih lagi kukuh sehingga ke hari ini.
5. Kami di barisan Jemaah Menteri sentiasa mencari usaha yang terbaik untuk memastikan ekonomi negara ini terus kukuh dan akhirnya akan memberi manfaat kepada peningkatan darjat hidup rakyat.

6. Sebagai contoh, lawatan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Jerman dari 10 Mac lalu hingga semalam telah membawa pulang pelaburan berpotensi bernilai RM 45.4 bilion meliputi pelbagai industri seperti semikonduktor, aeroangkasa, peranti perubatan, kimia dan perkhidmatan. Hampir 10 peratus daripadanya adalah pelaburan yang telah diluluskan bernilai RM 4.45 bilion, kini dalam pembinaan dan dijangka memulakan operasi pada tahun ini juga.

7. Sudah pasti, impak kepada pelaburan yang masuk ke Malaysia ini antaranya adalah akan meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Ini adalah antara limpahan manfaat yang akan diterima hasil daripada kemasukan pelaburan asing ke negara kita.

## **SUASANA MESRA PELABUR BERI NILAI TAMBAH KEPADA PELABURAN MASUK**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Di peringkat Wilayah Persekutuan, seperti yang saya tekankan sebelum ini, adalah penting untuk kita wujudkan suasana mesra pelabur dan

meningkatkan kecekapan bagi mewujudkan bandar yang lebih dinamik.

9. Usaha kita ini secara teknikalnya akan memberi nilai tambah dan sokongan kepada pelaburan yang akan masuk dan pada akhirnya akan memanfaatkan masyarakat di sekitarnya.

## **NUR RAMADAN BANDAR TUN RAZAK**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Program Nur Ramadan yang kita anjurkan pada hari ini merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk meringankan beban golongan sasar dalam menyambut Ramadan.
  
11. Bagi program pada hari ini, selain sumbangan yang diberikan oleh DBKL sebanyak RM 54,000.00, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang merupakan rakan strategik bagi program ini juga telah menyalurkan peruntukan wang zakat sebanyak RM 60,000.00 untuk disampaikan kepada mereka yang layak. Terima kasih saya ucapkan kepada MAIWP atas sumbangan ini.

12. Untuk itu, pada hari ini seramai 480 orang penerima akan menerima manfaatnya, yang meliputi 300 orang penerima daripada penduduk Bandar Tun Razak dan 180 orang penerima dalam kalangan warga DBKL yang kurang berkemampuan.
13. Saya berharap dengan sumbangan ini serba sedikit dapat meringankan beban tuan-tuan dan puan-puan semua dalam menyambut Ramadan dan Aidilfitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi.

## **PENUTUP**

Para hadirin yang dimuliakan sekalian,

14. Kerajaan sentiasa prihatin dengan kesulitan rakyat dalam mendepani cabaran hidup masa kini. Komitmen Kerajaan untuk meringankan beban hidup rakyat, khususnya golongan rentan sentiasa menjadi keutamaan.
  
15. Insya-Allah, melalui Program Usaha Jaya Insan atau PUJI, kami di Jabatan Wilayah Persekutuan akan menstrukturkan kesemua bantuan dan inisiatif yang diusahakan oleh Kerajaan kepada rakyat, khususnya di Wilayah Persekutuan di bawah satu *flagship* ini.

16. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada petang ini.
17. Semoga Allah SWT memberikan kekuatan dan kemudahan kepada kita semua dalam menjalankan ibadah ini.
18. Sama-sama kita berusaha untuk meningkatkan amalan kita di bulan Ramadan ini kerana pintu-pintu syurga dibuka seluas-luasnya pada bulan yang mulia ini seperti hadis Riwayat Muslim yang mafhumnya:

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Bila bulan Ramadan tiba, maka dibukalah pintu-pintu syurga, pintu-pintu neraka ditutup dan syaitan-syaitan pun dibelenggu.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.